

Kata keramat Samy Vellu pengaruhi pemilihan MIC

ISA - 28/6/2006



DEMAM bola sepak Piala Dunia 2006 sudah hampir ke penghujung jalan dengan hanya lapan pasukan masih bertarung untuk menentukan bakal juara, manakala 24 pasukan lain sudah pulang ke negara masing-masing selepas gagal meneruskan perjuangannya.

Ketika seluruh dunia terpaku di depan kaca televisyen menyaksikan aksi Piala Dunia, Malaysia pula dilanda demam, kali ini demam pilihan raya MIC, parti ketiga terbesar dalam Barisan Nasional (BN).

Seperti juga beberapa keputusan upset dalam perlawanan Piala Dunia, pemilihan MIC, Sabtu lalu, turut menampakkan keputusan upset apabila Timbalan Presidennya selama 25 tahun, Datuk S Subramaniam, kecundang di tangan Datuk G Palanivel dengan majoriti 438 undi. Upset

bukan kerana kalah tetapi lebih kepada jumlah undi yang diperolehi kedua-dua calon.

Dari awal lagi, pemerhati sudah meramalkan Subramaniam akan kalah kerana campur tangan Presiden, Datuk Seri S Samy Vellu yang bertindak sebagai pengurus kempen Palanivel dengan slogan 'undi untuk calon pilihan saya sama seperti mengundi untuk saya'. MIC disifatkan 'one man party' dan apa saja dikatakan Samy Vellu akan diterjemahkan ahlinya sebagai kata-kata keramat.

Jika Samy Vellu tidak campur tangan dan membiarkan perwakilan membuat pilihan secara bebas, sudah tentu keputusannya berlainan kerana Palanivel dikatakan tidak mempunyai sokongan akar umbi. Untuk Samy Vellu, kemenangan Palanivel dan tiga calon pilihan beliau untuk naib presiden dan 21 daripada 23 Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) adalah amat penting. Jika Palanivel kalah, ia akan memberi tamparan hebat kepada Samy Vellu dan mungkin juga menandakan beliau sudah kehilangan kepercayaan ahli dan terpaksa meletak jawatan.

Atas dasar itulah, Samy Vellu ketika berkempen 'mengugut' akan melepaskan jawatannya jika Subramaniam menang dan memberi amaran penyokongnya akan menerima padah jika keadaan itu berlaku. Bimbang kedudukan masing-masing dalam parti jika Subramaniam menang, penyokong Samy Vellu turun padang untuk memastikan Presiden mereka terus kekal.

Kemenangan menerusi pertarungan proksi ini, sepatutnya digunakan Palanivel untuk mengembangkan kuasa dan kedudukannya serta memenangi hati ahli MIC pada peringkat akar umbi, jika tidak pada pemilihan 2009, Palanivel akan menerima nasib malang jika dicabar sama ada oleh Subramaniam sendiri atau calon naib presiden dan seorang lagi anak buah Samy Vellu, Datuk S Sothinathan, yang dikatakan lebih popular daripada Palanivel.

Bagi Subramaniam kekalahan itu dilihat pemerhati sebagai tanda berakhirnya pembabitan seriusnya dalam MIC. Pada pemilihan 2009, beliau akan berusia 64 tahun dan mungkin dilihat tidak lagi

sesuai untuk kembali aktif walaupun kemungkinan itu tidak boleh ditolak.

Ketika dihubungi semalam, Subramaniam berkata, beliau memerlukan masa untuk menentukan rancangan masa depannya. Ada ura-ura beliau akan keluar parti kerana kecewa, ada juga yang kata beliau akan bersara daripada politik dan tidak kurang juga yang berkata beliau akan menyertai parti lain. Namun bagi Subramaniam, soal keluar parti tidak timbul.

Berikutan kemenangan Palanivel dan pengumuman Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik beliau akan berundur tahun depan, timbul persoalan sama ada Samy Vellu akan mengikut langkahnya.

Bagaimanapun, Samy Vellu bertekad tidak akan berbuat demikian dan menyerahkan kepada masa untuk menentukan bila masa terbaik untuk berundur. Kita percaya beliau mahu mempersiapkan Palanivel untuk mengambil alih jawatannya apabila masa itu tiba dan masa itu dikatakan selepas pilihan raya umum akan datang dan pemilihan parti 2009.